

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI**
 [PASIR MAS]

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sistem penilaian prestasi atau pemantauan yang diguna pakai ke atas Menteri kabinet memandangkan ada Menteri yang meneraju Kementerian penting namun berucap mendedahkan kelemahan negara seperti ucapan Menteri Pertahanan baru-baru ini Sidang Kemuncak Keselamatan Asia ke-18, Dialog Shangri-La (SLD) di Hotel Shangri-La, Singapura.

JAWAPAN: **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Pengukuran dan Pemantauan Indikator Prestasi YB Menteri-menteri atau dikenali sebagai Minister's Performance Indicator (MPI) telah pun diwujudkan bermula pada 16 September 2018 dan telah dibentangkan dan mendapat persetujuan daripada YAB Perdana Menteri Pada 28 November 2018. Mekanisme ini telah dibentangkan dalam Program Eksekutif Khas Anggota Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Hotel Marriott, Putrajaya pada 9 Disember 2018. Dalam program tersebut, pihak MAMPU (selaku sekretariat kepada MPI) telah menerima pandangan dan maklum balas daripada Anggota Pentadbiran Kerajaan yang akan digunakan sebagai input ke arah memantapkan lagi skop pengukuran dan pemberat mekanisme pengukuran MPI ini.

2. Skop pengukuran dan pemberat bagi mekanisme Pengukuran dan Pemantauan Indikator Prestasi YB Menteri-menteri dibahagikan kepada lima (5) seksyen:

- i) Seksyen A - berkaitan Tanggungjawab Bersama Menteri dengan menjadikan indikator kepada prestasi negara berkaitan pertumbuhan ekonomi mampan dan berdaya saing. Pemberat adalah sebanyak 5%;
- ii) Seksyen B - berkaitan Tanggungjawab Bersama KSU di mana indikator KPI Tier 1 (KPI Tier 1 ini telah diperkenalkan sejak tahun 2008) akan menyumbang kepada prestasi YB Menteri. Pemberat adalah sebanyak 10%;
- iii) Seksyen C – berkaitan akauntabiliti dan Tadbir Urus. Pemberat adalah sebanyak 10%;
- iv) Seksyen D - mengukur Pencapaian Perkhidmatan Teras yang menyumbang pemberat sebanyak 50%. Semua Pencapaian Perkhidmatan Teras yang ditetapkan mestilah dijajarkan kepada Kajian Separuh Penggal RMKe-11; dan
- v) Seksyen E – melibatkan YAB PM membuat penilaian kepimpinan ke atas YB Menteri serta penilaian dari segi Persepsi Awam terhadap YB Menteri dan Kementerian. Pemberat adalah sebanyak 20%.

3. Bagi memastikan kejayaan mekanisme pengukuran dan pemantauan indikator prestasi YB Menteri-menteri, sistem pelaporan terhadap status pencapaian terhadap sasaran indikator YB Menteri-menteri telah diwujudkan iaitu melalui Jawatankuasa Induk MPI dan Jawatankuasa Kerja MPI yang masing-masing dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Negara dan Ketua-ketua Setiausaha setiap Kementerian.

4. Selain itu, sesi penilaian prestasi setiap YB Menteri yang dinamakan *Performance Review* akan diadakan secara *one-to-one* bersama-sama YAB Perdana Menteri pada setiap awal tahun bagi menilai prestasi tahun sebelumnya. Sekian, terima kasih.